

SPIRITUAL DI DALAM AL-QURAN: KONSEP DAN KONSTRUK

Suriani Sudi¹, Fariza Md Sham², Phayilah Yama¹

¹ Faculty of Islamic Civilization Studies, International Islamic University College of Selangor (KUIS), Malaysia.

² Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia (UKM), Malaysia.

Corresponding Author: Suriani Sudi. Faculty of Islamic Civilization Studies, International Islamic University College of Selangor (KUIS), 44300, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Tel: (60) 196554746. E-mail: suriani@kuis.edu.my

Received: May 11, 2016

Accepted: November 6, 2016

Online Published: June 20, 2017

ABSTRAK

Keperluan manusia terhadap spiritual dan hidup yang lebih bermakna sebagai satu solusi terhadap krisis spiritual yang dihadapi oleh masyarakat moden kini, telah sekian lama diperbincangkan oleh para sarjana. Beberapa ahli Psikologi Barat seperti Maslow, Frankl, Zohar dan Marshall telah menunjukkan signifikan hubungan antara jasad dan spiritual manusia dengan kejayaan hidup seseorang. Namun, teori mereka menolak perkaitan antara spiritual dengan agama dan mereka mengatakan spiritual hanyalah aspirasi manusia untuk hidup. Pandangan tersebut bertentangan dengan apa yang dibawa oleh Islam. Justeru, kertas kerja ini mengupas berkaitan konsep spiritual di dalam al-Quran dengan menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik iaitu dengan mengenal pasti ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan spiritual seterusnya memaparkan bagaimana al-Quran membahaskan konstruk spiritual ini di dalam ayat-ayatnya. Kajian mendapati, al-Quran menekankan bahawa spiritual merupakan kebangkitan atau pencerahan diri dalam mencapai tujuan atau makna kehidupan, di mana asas kebahagiaan dan kesejahteraan seseorang datang dari spiritual yang baik. Al-Quran turut menyebut al-lubb, al-sadr, al-ra'y dan al-fu'ad sebagai konstruk spiritual di samping al-qalb, al-ruh, al-nafs dan al-'aql yang sememangnya telah pun digariskan oleh para sarjana Muslim sebelum ini.

Kata Kunci: Psikologi, Islam, Barat, Spiritual, al-Quran,

(SPIRITUAL IN THE QURAN: CONCEPTS AND CONSTRUCTS)

ABSTRACT

The need for mankind towards spirituality and meaningful life as one solution towards a spiritual crisis that is faced by modern society has long been discussed by scholars. Some notable western scholars such as Maslow, Frankl, Zohar, and Marshall have shown a significant relationship between the human body and spirituality with one's life success. However, these theories reject the relationship between spirituality and

religion and they claim that spirituality is merely an aspiration for a human to survive. This perspective conflicts with what is brought by Islam. Thus, this paper shall discuss the spiritual concept in the Quran using the thematic content analysis method by analyzing the relevant verses of the Quran that relate to spirituality and consequently how the Quran debates the spiritual construct in these verses. Studies have shown that the Quran emphasizes that spirituality contributes to the human rise and self-enlightenment in order to achieve the purpose and meaning of life, where the foundation of happiness and prosperity is a consequence of a good spirituality. The Quran also mentions al-lubb, al-sadr, al-ra'y, and al-fu'ad as a spiritual construct in addition to al-qalb, al-ruh, al-nafs dan al-'aql that has indeed been highlighted by previous Muslim scholars.

Keywords: *Psychology, Islam, West, Spiritual, The Quran*

1. Pendahuluan

Dari perspektif Islam, spiritual adalah aspek dalaman manusia yang tidak dapat diungkap oleh pancaindera manusia. Spiritual adalah dimensi agama. Hubungan antara spiritual dan agama dijelaskan oleh Al-Qaradawi (2001). Dari perspektif psikologi Islam, manusia dicipta mempunyai dua aspek yang saling memerlukan iaitu aspek spiritual dan jasmani (Sham, et al., 2015). Oleh itu, individu yang sejahtera ialah individu yang mempunyai keseimbangan antara aspek spiritual dan material.

Tidak dinafikan bahawa perkembangan keilmuan moden telah begitu didominasi oleh fahaman sekularisme. Fahaman yang sedemikian lama mendominasi sejarah peradaban moden hingga akhirnya telah memberikan jurang pemisah yang mendalam antara ilmu dengan spiritual agama.

Antara pandangan yang menjadi rujukan ramai adalah pandangan Abraham Maslow. Teori yang dikemukakan oleh Maslow (1970) iaitu Teori Hierarki Keperluan Maslow telah mengelaskan keperluan asas manusia kepada lima keperluan mengikut hierarki. Keperluan asas tersebut ialah keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, penghargaan sendiri dan juga peringkat yang tertinggi iaitu kesempurnaan sendiri. Teori ini juga menggambarkan bahawa manusia harus berikhtiar sehabis mungkin untuk memenuhi keperluan yang asas dahulu sebelum berhijrah untuk mengisi keperluan yang lebih tinggi. Dalam proses memenuhi keperluan hidup, teori ini secara jelas tidak meletakkan nilai agama sebagai salah satu motivasi tingkah laku manusia. Definisi Maslow berkaitan kesempurnaan sendiri adalah datang dari kajiannya tentang beberapa tokoh terkenal seperti Albert Einstein, Jane Addams, Roosevelt dan Federick Douglass.

Inilah titik perbezaan antara teori Maslow dengan Islam dimana Maslow tidak meletakkan nilai keagamaan sebagai salah satu motivasi kepada tingkah laku manusia. Teori ini juga berbeza dengan Islam kerana Islam menekankan setiap tingkahlaku manusia mestilah bersandarkan kepada Tuhan iaitu Allah SWT. Seseorang individu itu sebenarnya mampu memenuhi keperluan yang lebih atas jika dia memasukkan elemen spiritual ketuhanan dalam dirinya.

Di dalam Islam, walaupun seseorang muslim itu mewarisi sebuah kemiskinan, dia tetap memperolehi penghargaan diri dan disanjung ramai oleh kerana keperibadian akhlaknya yang tinggi dan sentiasa menghulurkan bantuan di sana sini. Inilah janji Allah SWT kepada setiap orang yang beriman kepada Allah SWT. Seorang muslim yang sejati tidak akan memperjuangkan keperluan peringkat rendah

sebelum ke peringkat tinggi dalam hierarki keperluan. Semua keperluan baik di peringkat rendah mahupun di peringkat tinggi dipenuhi sebaik mungkin sesuai menurut kerangka dan acuan Islam yang lebih mementingkan kualiti daripada kuantiti.

Begitu juga dengan pandangan Zohar dan Marshal (2000) berkaitan kecerdasan spiritual apabila mereka mengatakan bahawa kecerdasan spiritual iaitu kecerdasan untuk menghadapi persoalan makna atau *value* dan kecerdasan yang menempatkan hidup dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya, tidak semestinya berhubungan dengan agama. Ungkapannya ini memperlihatkan unsur kemanusiaan dan humanisme serta memisahkan agama dari konsep tersebut.

Sebagai contoh yang lain ialah pandangan Frankl yang menyebut bahawa spiritual dimaksudkan sebagai inti kemanusiaan dan sumber makna hidup dan potensi dari berbagai kemampuan dan sifat luhur manusia yang luar biasa. Bagi beliau, spiritual hanyalah aspirasi manusia untuk hidup bermakna dan tidak langsung mengandungi erti agama (Frankl, 1997).

Meskipun tidak dinafikan bahawa aliran ini sering menyebut dan mengakui adanya daya spiritual dalam struktur keperibadian manusia, namun spiritual yang dimaksud oleh mereka ini bukanlah agama, tetapi hanya kebergantungan manusia pada sesuatu yang hanya nampak di hadapan mata. Maka artikel ini akan mengupas aspek spiritual di dalam al-Quran yang meliputi kepentingan serta kedudukan spiritual di dalam Islam, serta mengutarakan konstruk-konstruk spiritual menurut al-Quran.

2. Metodologi Kajian

Penulis telah menjalankan kajian kualitatif secara analisa kandungan dengan menggunakan kaedah tematik. Di dalam kajian ini, penulis akan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai kaitan dengan spiritual kemudian penulis meletakkan tema yang bersesuaian untuk ayat-ayat yang ditemui yang disertakan dengan penjelasan dan penafsiran terhadap ayat-ayat tersebut.

3. Perbincangan Hasil Kajian

Perbincangan hasil kajian ini penulis akan mulai dengan konsep spiritual menurut al-Quran dan seterusnya konstruk-konstruk spiritual yang diambil dari ayat-ayat al-Quran yang telah ditemakan.

3.1 Konsep Spiritual Menurut al-Quran

Perkataan spiritual didefinisikan dalam *Kamus Dewan* (1996) sebagai bersifat rohani dan jiwa yakni bukan bersifat fizikal dan jasmani. Begitu juga kamus al-Mawrid yang menyebut spirit itu sebagai roh (Ba'albaki: 1994). Maka menurut Salleh (2015) perkataan roh dalam epistemologi Islam adalah menggambarkan kepada maksud spiritual yang biasa disebut pada hari ini oleh para sarjana moden.

Dalam konteks Islam, spiritual atau kerohanian mempunyai hubungan langsung dengan Allah SWT dan merupakan antara tanda kekuasaanNya sepertimana bulan, bintang, laut dan tumbuhan. Surah al-Isra' ayat 85 dengan jelas menegaskan tentang roh sebagai salah satu urusan Tuhan yang tidak didedahkan kepada pengetahuan manusia melainkan hanya sedikit sahaja:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

Maksudnya:

Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja".

Berdasarkan perbincangan ini dapatlah dirumuskan bahawa spiritual itu adalah hal-hal yang berkaitan kerohanian, bukan jasmani, yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Malah bila merujuk kepada sarjana Islam al-Ghazali (1998), beliau mengatakan bahawa elemen yang membentuk spiritual seseorang adalah *al-qalb* (hati), *al-ruh* (roh), *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal). Sebagaimana juga yang disebutkan oleh Sham F.M (2013) dan Hamjah, et. Al. (2012) menjelaskan bahawa konstruk spiritual adalah merupakan kombinasi antara empat elemen iaitu hati, jiwa, akal dan roh iaitu komponen yang bersifat dalaman yang berpengaruh dalam penjelmaan personaliti seseorang.

Islam amat mengambil berat akan spiritual dan rohani setiap muslim. Allah SWT telah mengaitkan pembangunan, perkembangan dan jatuh bangunnya seseorang malah sesebuah masyarakat dengan hati dan spiritual mereka. Perkara ini jelas di dalam ayatNya, surah al-Ra'd ayat 11:

... إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ ۗ وَمَا لَهُمْ مِّنْ دُونِهِ مِنِّ وَالٍ ﴿١١﴾

Maksudnya:

... Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

Malah tempat untuk iman adalah di dalam hati atau spiritual seseorang. Kerana iman itu sendiri bermaksud apa yang bertempat di dalam hati, yang dibenarkan oleh lisan dan yang diamalkan oleh anggota badan (al-'Izz 1391 H.). Ayat al-Quran juga menjelaskan hal ini di dalam ayatNya, surah al-Hujurat ayat 14:

﴿قَالَتِ الْأَعْرَابُ ءَأَمَّا قُلٌّ لَّمَ تُوْمِنُوْا وَلَكِن قُوْلُوْا أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ الْإِيْمَانُ فِي قُلُوْبِكُمْ ۗ...﴾ ﴿١٤﴾

Maksudnya:

Orang-orang Arab berkata: "Kami telah beriman". Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi sementara iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu berkatalah sahaja: "Kami telah Islam" ...

Al-Qurtubi (2009) menyatakan bahawa ayat ini khas ditujukan untuk sebahagian bangsa Arab. Sebahagian mereka mengaku beriman kepada Allah SWT akan tetapi hakikatnya mereka hanya Islam pada luaran sahaja sedangkan hati mereka belum betul-betul menerima iman. Sebagaimana hati juga dinyatakan oleh Allah SWT sebagai tempat bagi takwa. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hajj ayat 32:

ذٰلِكَ وَمَنْ يُعْظَمِ شَعِيْرَ اللّٰهِ فَاِنَّهَا مِنْ تَقْوٰى الْقُلُوْبِ ﴿٣٢﴾

Maksudnya:

Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar ugama Allah maka dia lah orang yang bertaqwa kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin.

Al-Baidawi (2015) menyatakan bahawa dinyatakan al-qalb di sini kerana hati adalah tempat tercetusnya takwa. Di sandarkan *al-qalb* sebagai tempat takwa dan iman adalah sepertimana juga yang dijelaskan oleh baginda SAW:

لَلتَّقْوَىٰ هَا هُنَا وَيُشِيرُ إِلَىٰ صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ

“Takwa itu di sini” (seraya nabi menunjukkan ke dadanya sebanyak tiga kali)

(Muslim. *Sahih Muslim. Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, Bab Tahrim Zulm Muslim*. No Hadis 6706).

Oleh kerana itulah, perkara pertama yang mahu diubah oleh al-Quran adalah spiritual dan jiwa-jiwa orang Arab jahiliyah iaitu akidah dan pegangan mereka. Oleh kerana itulah juga, ayat-ayat al-Quran yang turun ketika fasa dakwah Rasulullah SAW di Mekah adalah bermatlamatkan kepada pengukuhan spiritual yang berteraskan akidah dan tauhid kepada Allah SWT. Spiritual yang diperkukuh akidah tauhid merupakan langkah pertama untuk melakukan perubahan pada diri manusia yang akhirnya akan melahirkan kekuatan spiritual yang hebat yang bukan setakat mengubah dirinya sendiri malah mampu mengubah manusia, kehidupan dan alam seluruhnya (al-Najati, 1992). Hatinya juga akan dipenuhi rasa cinta, kasih dan sayang kepada Allah SWT, Rasul dan manusia di sekelilingnya malah manusia seluruhnya. Seterusnya membangkitkan rasa tenang damai dan tenteram.

Seterusnya, spiritual, hati, jiwa dan dalaman manusia adalah perkara yang sangat penting kerana ia adalah tempat Allah SWT memandang dan menilai manusia. Allah SWT jelaskan di dalam ayatNya bahawa Allah SWT tidak memandang kepada jasad, rupa dan rupa bentuk hambaNya. Tidak akan berjaya dan terlepas seseorang dari siksaan melainkan mereka yang mempunyai hati yang bersih, suci dan sejahtera dari sebarang kecacatan yang memberi kesan terhadap tingkah laku dan perlakuan. Kerana itulah spiritual dan rohani seseorang mesti bersih dan suci. Firman Allah SWT di bawah jelas menyatakan hati yang sejahteralah menjadi penyelamat di hari akhirat kelak, surah Al-Syu'ara' ayat 88-89;

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Maksudnya:

Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun, kecuali orang-orang yang datang menghadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik)

Maka kerana itu baginda SAW sangat menekankan kepada penjagaan spiritual dan menegaskan bahawa baiknya seseorang itu bermula dengan baiknya spiritual yang berada di dalam iaitu *al-qalb*. Perkara ini jelas dalam sabda baginda SAW;

وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضَغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

“Dan ketahuilah bahawa dalam setiap tubuh ada segumpal darah yang apabila baik maka baiklah tubuh tersebut dan apabila rosak maka rosaklah tubuh tersebut. Ketahuilah bahawa ia adalah hati

(al-Bukhari. *Sahih Bukhari. Kitab al-Iman. Bab Fadlu Man Yastabra' Dinihi*, No. Hadis 52).

3.2 *Konstruk Spiritual di Dalam Al-Quran*

Hasil dari analisis kajian, penulis mendapati maksud spiritual digunakan dengan pelbagai perkataan di dalam al-Quran dan perkataan yang paling banyak sekali digunakan adalah perkataan *al-qalb* yang mana ia disebut pada 132 ayat (Baqi M.F 1981) Malah kajian juga mendapati, *al-qalb* itu sendiri membawa pelbagai maksud dan pengertian iaitu *al-'aql*, *al-ruh* dan *al-ra'y*. Penulis juga mendapati, selain dari penggunaan lafaz *al-qalb*, al-Quran turut mengungkapkannya dengan perkataan lain yang juga membawa maksud *al-qalb*. Perkataan yang digunakan adalah *al-fu'ad*, *al-sadr*, *al-nafs* dan *al-lubb*. Jesteru, kesemua maksud dan pengertian *al-qalb* serta perkataan yang sama ertinya dengan *al-qalb* ini, penulis rumuskan sebagai gambaran kepada maksud spiritual itu sendiri.

Maka dalam perbincangan seterusnya, penulis akan membawakan ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan perkara-perkara tersebut. Penulis akan memulakan perbincangan berkaitan *al-qalb* yang penulis kira sebagai perkataan induk kepada maksud spiritual di dalam al-Quran.

3.2.1 *Al-Qalb*

Secara epistemologi, *al-qalb* adalah segumpal daging sanubari yang lonjong yang terletak dalam rongga dada sebelah kiri, ia adalah pusat peredaran darah dalam tubuh manusia (Ba'albaki, 1994). Ia tidak dinamakan *qalb* kecuali karena sifatnya yang berubah-ubah (Ibn Manzur, 1990).

Menurut al-Ghazali (1998) *al-qalb*, mempunyai dua pengertian. Pengertian pertama adalah seperti pengertian yang di atas yang berbentuk bulat panjang dan terletak di sebelah kiri dada manusia. Di dalam daging ini terdapat rongga-rongga yang mengandungi darah hitam dan berperanan sebagai sumber roh. Hati seperti ini terdapat pada sama ada manusia, haiwan yang hidup mahupun yang telah mati. Pengertian yang kedua pula membawa maksud yang halus, bersifat ketuhanan dan rohaniah atau hati rohani. Hati pada pengertian yang kedua inilah hakikat manusia yang berupaya untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan bertanggung jawab dalam segala perintah dan larangan Allah SWT. Pengertian kedua inilah yang dimaksudkan oleh penulis sebagai spiritual yang banyak disebut di dalam al-Quran.

Dalam pada itu, para mufasssiran telah menafsirkan *al-qalb* di dalam al-Quran dengan pelbagai pengertian. Di bawah ini dijelaskan pengertian-pengertian kepada *al-qalb*:

a. *Al-'Aql*

Di dalam Daif (2004), *al-'aql* diberikan juga maksud sebagai *al-'aql*. Manakala di dalam al-Quran, antara ayat-ayat yang menunjukkan *al-qalb* sebagai *al-'aql* adalah seperti, surah al-Qaf ayat 37;

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرَىٰ لِمَن كَانَ لَهُ قَلْبٌ أَوْ أَلْقَى السَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ ﴿٣٧﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya (keterangan-keterangan dan peristiwa-peristiwa) yang tersebut itu, tidak syak lagi mengandungi pengajaran bagi sesiapa yang mempunyai hati (yang sedar pada masa membacanya), atau yang menggunakan pendengarannya dengan bersungguh-sungguh (kepada pengajaran itu) dengan menumpukan hati dan fikiran kepadanya.

Al-Qurtubi (2009) mengatakan *al-qalb* dalam ayat di atas bermaksud *al-'aql* iaitu akal untuk ia bertadabbur padanya maka digunakan perkataan *qalb* untuk maksud akal kerana pada hati itu adalah tempat akal itu berada. Demikian juga pada ayat, surah al-Taubah ayat 87;

رَضُوا بِأَن يَكُونُوا مَعَ الْخَوَالِفِ وَطُبِعَ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٨٧﴾

Maksudnya:

Mereka suka tinggal bersama-sama orang-orang yang ditinggalkan (kerana uzur), dan (dengan sebab itu) hati mereka dimeteraikan atasnya, sehingga mereka tidak dapat memahami sesuatu.

Dalam menafsirkan ayat ini, Ibn Kathir (t.th.) menjelaskan bahawa tidak sampai petunjuk ke dalam hati mereka dan mereka tidak akan mendapat kebaikan dan kefahaman maka ia tidak akan tahu dan tidak mendapat panduan. Maka dapat difahami bahawa maksud *al-qalb* di sini adalah *al-'aql*. Malah di dalam satu ayat yang lain pula menyatakan bahawa *al-qalb* itu sebagai tempat diturunkan ilmu padanya, surah al-Baqarah ayat 97.

قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِّجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ ... ﴿٩٧﴾

Maksudnya:

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah.

Al-Qurtubi (2009) menyatakan bahawa disebut secara khusus *al-qalb* di dalam ayat ini kerana *al-qalb* itu merupakan tempat terletaknya akal dan ilmu serta tempat untuk menerima pengetahuan.

b. *Al-Ruh*

Al-qalb juga diertikan sebagai *al-ruh*. Pengertian ini jelas dalam beberapa-ayat al-Quran. Antaranya, surah al-Ahzab ayat 10;

إِذْ جَاءَكُمْ مِنْ فَوْقِكُمْ وَمِنْ أَسْفَلَ مِنْكُمْ وَإِذْ زَاغَتِ الْأَبْصَارُ وَبَلَغَتِ الْقُلُوبُ الْحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ بِاللَّهِ
الظُّنُونَ ﴿١٧﴾

Maksudnya:

Masa itu ialah masa tentera musuh datang melanggar kamu dari sebelah hulu dan dari sebelah hilir (tempat pertahanan) kamu; dan masa itu ialah masa pemandangan mata kamu tidak berketentuan arah (kerana gempar dan bingung) serta hati pun resah gelisah (kerana cemas takut), dan kamu masing-masing pula menyangka terhadap Allah dengan berbagai-bagai sangkaan.

Al-Asfahani (1998) mengatakan bahawa *al-qulub* di dalam ayat di atas bermaksud ruh-ruh. Begitu juga, ia dijelaskan sebagai *al-ruh* oleh Ibnu al-Jawzi (1404 H.) pada ayat berikut, surah al-Ghafir ayat 18;

وَأَنْذَرْتَهُمْ يَوْمَ الْأَرْزَاقِ إِذْ الْقُلُوبُ لَدَى الْحَنَاجِرِ كَظِيمٍ مَّا لِلظَّالِمِينَ مِنْ حَمِيمٍ وَلَا شَفِيعَ يُطَاعُ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

Dan berilah amaran (wahai Muhammad) kepada mereka tentang (hari kiamat) Yang dekat (masa datangnya), Iaitu ketika hati seseorang merasa resah gelisah, kerana cemas takut, sambil masing-masing menahan perasaannya itu.

c. *Al-Ra'y*

Seterusnya, *Al-qalb* juga dimaksudkan sebagai *al-ra'y* ataupun pandangan. Ianya jelas di dalam ayat di bawah, surah al-Hasyr ayat 14;

لَا يُقْتَلُونَكُمْ جَمِيعًا إِلَّا فِي فُرَى مُحْصَنَةٍ أَوْ مِنْ وَرَاءِ جُدُرٍ ۚ بَأْسُهُمْ بَيْنَهُمْ شَدِيدٌ تَحْسَبُهُمْ جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ
شَتَّىٰ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya:

(Orang-orang Yahudi dan orang-orang munafik) Dengan keadaan bersatu padu sekalipun, tidak berani memerangi kamu melainkan di kampung-kampung Yang berbenteng kukuh, atau dari sebalik tembok. (Sebabnya): permusuhan di antara mereka sesama sendiri amatlah keras; Engkau menyangka mereka bersatu padu, sedang hati mereka berpecah belah (disebabkan berlainan kepercayaan mereka). Yang demikian itu, kerana mereka adalah kaum Yang tidak memahami (perkara Yang sebenarnya Yang memberi kebaikan kepada mereka).

Al-Qurtubi (2009) mengatakan bahawa maksud ayat “hati mereka berpecah belah” adalah pandangan, pendapat, pengakuan dan kehendak mereka berselisih, walaupun mereka bersatu dalam memusuhi ahli kebenaran. Maka jelas bahawa *al-qalb* di dalam al-Quran didatangkan dengan pelbagai maksud dan pengertian. Ia dimaksudkan sebagai *al-aql* pada beberapa tempat manakala pada tempat yang lain pula ia dimaksudkan sebagai *al-ruh* dan *al-ra'y*. Kesemua pengertian ini adalah menjurus kepada maksud spiritual yang penulis maksudkan.

Selain dari penggunaan lafaz *al-qalb*, al-Quran turut mengungkapkannya dengan perkataan lain yang turut memberi maksud *al-qalb*. Perkataan yang digunakan adalah *al-fu'ad*, *al-sadr*, *al-nafs* dan *al-lubb*.

3.2.2 Al-Fu'ad

Di dalam *al-Mu'jam al-Wasit*, *al-fu'ad* membawa maksud *al-qalb* (Daif S 2004). Ibn Manzur (1990) berkata di dalam *Lisan al-Arab* (1990), *al-qalb* dinamakan sebagai *al-fu'ad* adalah kerana nyalaannya. Ini kerana asal perkataan *fu'ad* adalah *fa'ada* yang bermaksud kepanasan yang teramat.

Perkataan *al-fu'ad* dan pecahan perkataannya iaitu *fu'aduka*, *fu'adaka*, *af'idah* dan *afidatahum* disebut sebanyak 16 kali di dalam al-Quran (Baqi M.F 1981). Antara ayat-ayat al-Quran yang menggunakan perkataan *al-fu'ad* untuk maksud *al-qalb* adalah, surah al-Furqan ayat 32:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا ﴿٣٢﴾

Maksudnya:

Dan orang-orang yang kafir berkata: "Mengapa tidak diturunkan Al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)?" Al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (Wahai Muhammad) dengannya, dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu.

Al-Fu'ad di dalam ayat ini dimaksudkan sebagai *al-qalb*. Al-Qurtubi (2009) menafsirkan ayat ini dengan katanya; Kami kuatkan hati kamu dan kamu mampu menanggungnya. Al-Wahidi (t.th.) pula menafsirkan ayat tersebut sebagai; "Akan kami kuatkan dengannya hati kamu iaitu pada setiap kali turun wahyu yang baru, ia akan menambahkan kekuatan pada hatimu."

Ayat seterusnya di dalam surah al-Najm ayat 11, juga menunjukkan penggunaan lafaz *al-fu'ad* untuk maksud *al-qalb*.

مَا كَذَبَ الْفُؤَادُ مَا رَأَى ﴿١١﴾

Maksudnya:

Hati (Nabi Muhammad) tidak mendustakan apa yang dilihatnya

Al-Wahidi (t.th.) dan al-Qurtubi (2009) menafsirkan ayat tersebut dengan berkata bahawa hati Muhammad tidak menipu dengan apa yang dilihatnya pada malam *mi'raj* di mana Allah SWT menjadikan penglihatan di dalam hatinya sehingga ia boleh melihat pemandangan tersebut. Dan ia adalah penglihatan yang hakiki. Ayat-ayat lain yang turut memaksudkan *al-fu'ad* sebagai *al-qalb* adalah, surah al-Qasas ayat 10;

وَأَصْبَحَ فُؤَادُ أُمِّ مُوسَىٰ فَرَجًا ... ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Dan (sepeninggalannya) menjadilah hati ibu Musa kosong;

Begitu juga di dalam surah al-An'am ayat 113:

وَلِتَضَعِيَ إِلَيْهِ أَفْءُ دَّةِ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ وَلِيَرَضَوْهُ وَلِيَقْتَرِفُوا مَا هُمْ مُقْتَرِفُونَ ﴿١٣٢﴾

Maksudnya:

Dan juga supaya hati orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat cenderung kepada bisikan itu, dan supaya disetujui oleh mereka, dan juga supaya mereka (terus) melakukan apa yang mereka lakukan itu.

3.2.3 Al-Sadr

Al-sadr juga pada beberapa tempat di dalam al-Quran dimaksudkan sebagai *al-qalb*. Perkataan *al-sadr* ditulis di dalam al-Quran sebanyak 44 kali (Baqi, 1981). Antara ayat yang menggunakan perkataan *al-sadr* adalah surah al-Syarh ayat 1:

أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ ﴿١﴾

Maksudnya:

Bukankah Kami telah melapangkan bagimu dadamu (Wahai Muhammad serta mengisinya dengan iman dan hidayah petunjuk)?

Sebahagian ulama menafsirkan *al-sadr* sebagai *al-qalb*. Al-Baghawi (1989) menafsirkan ayat ini dengan katanya; “*Bukankah kami buka dan kami luaskan dan kami lembutkan hati kamu dengan iman, nubuwah, ilmu dan hikmah.*” Allah SWT menggunakan perkataan *al-sadr* di dalam ayat ini kerana dada adalah pusat perasaan dan pusat pemahaman (al-Syaukani, t.th.). Di dalam al-Quran, satu-satu perkataan itu kadang-kadang tidak dipakai pada erti yang hakiki melainkan untuk makna yang berkaitan dengan perkataan tersebut. Misalnya di sini perkataan *al-sadr* tidak digunakan untuk maknanya yang hakiki akan tetapi ia digunakan untuk maksud yang berkaitan dengan dada iaitu hati yang bersemayam di dalam dada.

Begitu juga pada ayat di bawah, perkataan *al-sadr* adalah bermaksud *al-qalb*, surah Al-Nas ayat 5;

الَّذِي يُوسِّسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾

Maksudnya:

Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia.

Ayat ini bermaksud syaitan melemparkan perasaan was-was dengan perkataan yang tersembunyi, yang sampai kepada hati tanpa didengari oleh telinga (Al-Baghawi, 1989).

3.2.4 Al-Nafs

Menurut al-Ghazali (1998), perkataan *al-nafs* mempunyai dua makna. Pertama, ia adalah kekuatan rasa amarah dan rasa syahwat untuk melakukan perbuatan-perbuatan tercela. Kedua, ia adalah perasaan halus yang merupakan jiwa manusia itu sendiri. Menurut al-Ghazali (1998) lagi, makna yang kedua ini memiliki sifat yang bergantung kepada keadaan. Bila ia di kendali kekuatan akal dan cahaya keimunan dan berjaya melawan hawa nafsu, ia disebut sebagai *al-nafs al-mutma'in* (jiwa yang tenang).

Apabila jiwa tersebut belum sempurna serta sentiasa bergolak antara kebaikan dan kejahatan, maka ia disebut sebagai *al-nafs al-lawwamah* (jiwa yang menyesali dirinya). Manakala jiwa yang meninggalkan perjuangan melawan nafsu serta tunduk dan patuh pada kehendak nafsu syahwat dan hasutan syaitan maka ia dipanggil *al-nafs al-ammarah*.

Lafaz *al-nafs* juga diungkap di dalam al-Quran dengan maksud *al-qalb*. Malah menurut Tawfiq (1998), perkataan *al-nafs* berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah mempunyai pelbagai pengertian termasuklah diri manusia, ruh, jiwa dan sifat insan.

Lafaz *al-nafs* diulang sebanyak 286 kali di dalam al-Quran samada dalam perkataan *al-nafs, anfus dan nufus*, (Baqi M.F, 1981). Kalimah *al-nafs* di dalam al-Quran mempunyai pelbagai erti dan antara maksudnya ialah roh (al-Asfahani 557). Antara ayat tersebut adalah surah Ali Imran ayat 154;

... قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُ لِلَّهِ يُخْفُونَ فِي أَنْفُسِهِمْ مَا لَا يُبْدُونَ لَكَ ... ﴿١٥٤﴾

Maksudnya:

... Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya perkara (yang telah dijanjikan) itu semuanya tertentu bagi Allah, (Dia lah sahaja Yang berkuasa melakukannya menurut peraturan Yang ditetapkanNya)". mereka sembunyikan Dalam hati mereka apa Yang mereka tidak nyatakan kepadamu. mereka berkata (sesama sendiri): ... “

Begitu juga pada ayat surah al-Baqarah ayat 284;

... لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْدُوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبْكُمْ بِهِ اللَّهُ ... ﴿٢٨٤﴾

Maksudnya:

Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu.

Al-Samarqandi (1994) menjelaskan maksud *أَنْفُسِكُمْ* sebagai hati dengan mengatakan bahawa ayat ini bermaksud menzahirkan apa ada dalam hati kamu dan yang kamu sembunyikan.

3.2.5 Al-Lubb

Antara makna bagi *al-lubb* adalah akal yang bebas dari sebarang kekotoran. Dikatakan juga *al-lubb* adalah akal yang bersih. Maka setiap *lubb* adalah akal akan tetapi tidak semua akal adalah *lubb* (Asfahani, 1997). Kebanyakan ulama tafsir mengartikan kata *ulu al-bab* dengan erti *ulu al-'uqul* iaitu mereka yang memiliki akal (al-Jazari 1987). Hamka (1999) mengatakan perkataan *lubb* bermaksud isi, inti atau teras. *Lubb* bermaksud orang yang beris akal fikirannya, orang yang faham tentang kebenaran dan orang yang menyambut seruan Rasulullah SAW. *Albab* pula diertikan sebagai akal budi yang merupakan gabungan antara kecerdasan akal dan kehalusan budi. Maka ahli tafsir telah mengaitkan *lubb* dengan akal fikiran malah ia lebih dari akal manakala *al-aql* pula adalah antara maksud *al-qalb*. Maka kerana itulah penulis meletakkan *al-lubb* antara ungkapan yang memberikan maksud *al-qalb*.

Al-lubb diungkap dengan perkataan *albab* di dalam al-Quran dengan pengulangan sebanyak 16 kali (Baqi, 1981). Antaranya ialah surah al-Zumar ayat 9;

أَمَّنْ هُوَ قَنِيتٌ ءَأَنَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

Maksudnya:

(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan Ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya? "Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Terdapat juga pada ayat yang lain, surah al-Ra'd ayat 19;

۞ أَفَمَنْ يَعْلَمُ أَنَّمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ الْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿١٩﴾

Maksudnya:

Maka adakah orang yang mengetahui bahawa al-Quran yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu (wahai Muhammad) perkara yang benar, sama dengan orang yang buta matahatinya? Sesungguhnya orang-orang yang mahu memikirkan hal itu hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Ayat-ayat di atas menjelaskan bahawa antara ciri orang yang berakal adalah mereka yang mengambil pengajaran dan peringatan dan mereka yang sedar. Berdasar hasil analisa tentang kosa kata *ulu albab* dapat difahami bahawa perkataan tersebut tidak hanya diiringi oleh terma berfikir, akan tetapi ia disertai juga oleh terma petunjuk, zikir, takwa dan ibrah iaitu mengambil pengajaran.

4. Rumusan dan Implikasi Kajian

Hasil yang didapati dari kajian di atas jelas menunjukkan bahawa Islam sangat menitikberatkan spiritual dan kerohanian. Dari situ juga, penulis dapat merumuskan dua perkara. Pertama; spiritual adalah satu bentuk psikologi yang ada dibincangkan di dalam sumber rujukan utama iaitu al-Quran. Di dalam Islam, spiritual merupakan sisi penting kepada seorang manusia. Elemen spiritual yang paling penting adalah iman dan takwa yang mana ia merupakan bekalan utama manusia di muka bumi. Di dalam Islam juga, spiritual mempunyai kedudukan yang tinggi kerana ia merupakan perkara yang akan dinilai oleh Allah SWT di akhirat kelak. Kedua; spiritual disebut secara meluas di dalam al-Quran. Hasil kajian menunjukkan ia diungkap dengan pelbagai perkataan yang menggambarkan kepada maksud spiritual itu sendiri. Untuk itu penulis kemukakan konstruk spiritual menurut al-Quran iaitu *al-qalb*, *al-'aql*, *al-ruh*, *al-ra'y*, *al-fu'ad*, *al-sadr*, *al-nafs* dan *al-lubb* yang wajar tidak dipinggirkan dalam arus perdana perkembangan ilmu psikologi moden.

Rujukan

- Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Hussin bin Mas'ud bin Muhammad al-Farra' al-Syafi'i. 1989. *Tafsir al-Baghawi*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Baidawi, Abu al-Fath, Nasir al-Din Abi Sa'id Abdullah bin 'Umar bin Muhammad al-Syirazi. 2015. *Tafsir al-Baidhawi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1998. *Ihya' Ulum al-Din*. Jil 3. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2001. *al-Ibadah fi al-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 2009. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Sya'b.
- Al-Raghib al-Asfahani Abu al-Qasim Al-Husin bin Muhammad bin al-Mufadhhal. 1997. *Mu'jam Mufradat Alfaz al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Samarqandi, Abu al-Layth. 1994. *Bahr al-'Ulum*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syaukani Muhammad ibn Ali. t.th. *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Ma'arif.
- Al-Wahidi 'Ali bin Ahmad Abu al-Hasan. t.th. *al-Wajiz fi Tafsir Kitab al-'Aziz*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Ba'albaki, M. 1994. *Al-Mawrid*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Baqi M. F. 1981. *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfadh al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Bukhari, Abu Abdullah Muhammad b. Ismail b. Ibrahim al-Mughirah. 1992. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Daif S. 2004. *Mu'jam al-Wasit*. Mesir: Maktabah Syuruq al-Dauliyah.
- Danah Zohar & Ian Marshall. 2000. SQ - *Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence*. AJM January 2001. <http://www.alisonmorgan.co.uk/Zohar.htm>.
- Frankl. 1997. *Man's Search For Meaning; An Introduction To Logotherapy*. London: Eight Impression, Hodder and Stoughton, Ltd.
- Hamjah, S. H., Rasit, R. M., & Sham, F. M. (2012). Role of spiritual aspect in the learning process of Islamic studies student. *Social Sciences*, 7(4), 625-629.
- Ibn Abi al-'Izz al-Hanafii Abu al-Hasan 'Ali bin 'Ala' al-Din. 1970. *Syarah al-Aqidah al-Tahawiyah*. Beirut: al-Maktabah al-Islami.
- Ibn Hajar Abu al-Fadl Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani. t.th. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Jawzi, Abdul Rahman bin 'Ali bin Muhammad. 1984. *Zad al-Muyassar fi 'Ilm al-Tafsir*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn Manzur Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Ifriqi al-Misri abu al-Fadl. 1990. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Maslow, A.H. 1970. *Motivation and Personality*. New York: Harper & Row.
- Muslim, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naysaburi. 1955. *Sahih Muslim*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Najati, M. U. 1992. *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*. Cetakan ke-5. Beirut, Lubnan: Dar al-Shuruq.
- Salleh, N. M. 2015. *Penghayatan Akidah, Ketenangan Hati dan Ketenangan Rohani Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis Phd. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sham F. M., Dakir J, Tibek S. T, Awal N.A.M, Hamjah S.H, Ismail A & Ismail M. Education Module for Out-Of-Wedlock Pregnant Adolescents. *The Turkish Journal of Educational Technology*. August 2015.

Sham F. M., Hamjah S. H. & Sharifudin, M. J. 2013. *Personaliti Dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM.

BIOGRAFI PENULIS

Suriani binti Sudi lulusan Sarjana dalam bidang Hadis di Universiti Malaya dan BA dalam bidang Hadis di Universiti al-Azhar Kaherah. Sekarang menjawat jawatan sebagai pensyarah di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Beliau banyak menulis kertas kerja dan artikel jurnal dalam bidang Hadis dan Pengajian Islam dan terlibat dengan geran-geran penyelidikan dalam bidang Hadis dan Pengajian Islam. Bidang penulisan merangkumi bidang hadis, pembangunan Insan dan pengajian Islam. Terlibat sebagai penulis dalam majalah, penceramah dan panel dalam program-program dakwah, aktiviti pendidikan dan pembangunan insan serta aktiviti-aktiviti pengajian di surau dan masjid di sekitar Selangor. Kini beliau bertugas sebagai pensyarah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor sejak tahun 2007. Alamat e-mel: suriani@kuis.edu.my.